



JADUAL A : TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PEMBIAYAAN AR-RAHNU FLEXI

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PRODUK AR RAHNU

Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (“**CBP**”) bersetuju untuk menyediakan Kemudahan Pembiayaan Produk Ar Rahnun kepada Pelanggan yang layak dan Pelanggan dengan ini terikat dengan terma dan syarat seperti di bawah (“**Terma dan Syarat**”).

1. Marhun

1.1 Kualiti Mutu Emas

- 1.1.1 Hanya barangan kemas emas yang mempunyai mutu emas 18 Karat dan keatas layak digadaikan;
- 1.1.2 Kualiti/mutu emas hendaklah pada kategori [999, 950, 916, 875, 835 dan 750] sahaja; dan
- 1.1.3 Barang kemas emas yang berbatu, bertatah berlian dan sebagainya layak diterima tetapi nilai pembiayaan yang diberikan mengambil-kira nilai kandungan emas sahaja.

1.2 Berat Emas

- 1.2.1 Berat emas yang digunapakai tertakluk kepada timbangan yang dilakukan oleh CBP.

1.3 Harga Emas Semasa

- 1.3.1 Harga emas semasa yang digunapakai tertakluk kepada harga yang dipamerkan di dalam premis CBP.

1.4 Emas Palsu/Curi/ Ketulenan Diragui

- 1.4.1 Barang Kemas Emas yang digadaikan mestilah merupakan emas tulen dan dimiliki oleh Pelanggan serta tidak diragui ketulennannya. CBP berhak menyemak semula barang emas yang diserahkan-simpan pada bila-bila masa (selama dalam tempoh gadaian) dan berhak untuk mengambil tindakan yang bersesuaian sekiranya didapati barang emas tersebut adalah palsu dan/atau barang curi dan/atau diragui tahap ketulennannya.

1.4.2 Pihak CBP berhak mengambil tindakan undang-undang pada bila-bila masa termasuk dan tidak terhad kepada membuat laporan polis, membatalkan pembiayaan dan mempercepatkan tuntutan penebusan jika didapati bahawa barang emas yang digadai adalah palsu atau ketulenannya diragui sekalipun pembiayaan murabahah telah dikeluarkan.

2. Keberhutangan

2.1 Pengiraan keberhutangan atas Harga Jualan

2.1.1 Pelanggan memperakui menanggung keberhutangan kepada CBP disebabkan tanggungjawab daripada penyempurnaan kontrak.

2.1.2 Pelanggan bersetuju bahawa pengiraan harga jualan di bawah urusan Murabahah adalah mengikut formula dan kadar yang ditetapkan oleh pengawalselia (SKM dan/atau CBP).

2.2 Formula harga Jualan Murabahah

2.2.1 Harga Jualan sepertimana yang diperincikan di dalam E- Akad Murabahah merupakan kontrak perjanjian berlandaskan prinsip Syariah Murabahah antara pelanggan sebagai Pembeli Komoditi dan CBP sebagai Penjual Komoditi untuk menyempurnakan urusan jual beli yang dikira berdasarkan jumlah pembiayaan yang diluluskan, ditambah dengan jumlah keuntungan CBP dan merupakan harga kontrak yang perlu diselesaikan oleh Pelanggan sebelum atau pada tarikh matang yang dinyatakan dalam SAG Ar-Rahnu (atau apa-apa lanjutan terhadapnya) ("**Tarikh Matang**") secara tertanggung ("**Harga Jualan Komoditi**"). Pengiraan Harga Jualan Komoditi tersebut oleh CBP, adalah dianggap tepat dan muktamad, melainkan dibuktikan bahawa terdapat sebarang kesilapan nyata (*manifest error*).

$$\text{Jumlah Pembiayaan} + [(\text{Kadar Keuntungan } 4\%) \times \text{Jumlah Pembiayaan}] \times (547/365)$$

Nota;

Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan bilangan hari sebenar dalam setahun (365 hari bagi tahun biasa atau 366 hari bagi tahun lompat) dan bilangan hari sebenar dalam tempoh pembiayaan. Jumlah yang perlu dibayar pada Tarikh Matang mungkin berbeza bergantung kepada tarikh sebenar transaksi dan kewujudan tahun lompat dalam tempoh pembiayaan tersebut. Sila rujuk SAG untuk mengetahui jumlah sebenar bayaran pada Tarikh Matang.

2.3 Serahan Fizikal Komoditi

2.3.1 Pelanggan bersetuju bahawa sekalipun sekiranya serahan fizikal komoditi telah dilakukan terus kepada Pelanggan tanpa pengeluaran tunai melalui CBP (sebagai wakil/ejen), Pelanggan tetap dianggap menanggung keberhutangan Harga Jualan Komoditi kerana ia tidak mengubah kesempurnaan akad Murabahah.

2.4 Tambahan keberhutangan/pembiayaan atas gadaian marhun yang sama

2.4.1 Pelanggan boleh memohon dengan CBP (yang mengeluarkan SAG Ar-Rahnu terdahulu) untuk permohonan tambah pembiayaan (roll-over) atas Marhun yang sama, dengan syarat nilai pembiayaan sedia ada hendaklah tidak melebihi daripada had maksima jumlah keseluruhan pembiayaan dan permohonan tersebut perlulah dilakukan oleh Pelanggan sendiri dan tidak boleh diwakilkan. Kelulusan jumlah tambah pembiayaan adalah tertakluk sepenuhnya kepada budi bicara CBP.

2.5 Perlindungan Takaful

2.5.1 Pelanggan digalakkan mengambil Pelan Perlindungan Takaful Kredit daripada Syarikat Takaful pilihan Pelanggan sendiri atau Pengendali Takaful yang dilantik oleh CBP bagi menjamin jumlah keberhutangan sekiranya berlaku kematian atau kehilangan upaya kekal ke atas Pelanggan.

2.5.2 Pelan Perlindungan bagi keselamatan Marhun yang digadaikan adalah tertakluk di bawah polisi Takaful am yang dipegang oleh CBP.

2.5.3 Tertakluk kepada klausa 2.5.2 di atas, CBP akan memberikan gantirugi mengikut kadar nilai perlindungan yang diluluskan oleh syarikat Takaful (dan bukannya nilai emas semasa) sekiranya terjadi kebakaran/ kecurian semasa Marhun berada di dalam simpanan CBP.

3. Kadar Keuntungan

3.1 Formula Keuntungan

3.1.1 Formula Keuntungan adalah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Akuan Gadaian(SAG Ar- Rahnu Flexi) di mana keberhutangan sebenar yang ditanggung oleh Pelanggan tertakluk kepada sebarang ibra' yang diberikan oleh CBP kepada Pelanggan mengikut kadar Keuntungan dan akan ditolak daripada Harga Jualan Komoditi.

3.1.2 .Kadar Keuntungan 18 Bulan atas nilai pembiayaan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Kadar Keuntungan} = (4.0\% \times \text{Jumlah Pembiayaan}) \times (547/365)$$

3.1.3 Kadar Keuntungan 12 Bulan atas nilai pembiayaan hendaklah dibayar pada permulaan tempoh gadaian dan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Keuntungan Kadar Keuntungan} = (4.0\% \times \text{Jumlah Pembiayaan}) \times (365/365)$$

4. Struktural Fi

4.1.1 Pada hari pertama gadaian, 6% 'Structural Fee' akan dibayar secara Lumpsum pada hari pertama gadaian dibuat berdasarkan nilai marhun dengan mengambil kira kos-kos yang terlibat seperti di bawah;

Bil	Perkara	Jumlah Peratusan Fi
1.	Pengaturan Dan Penstrukturan Transaksi	2.0%
2.	Penilaian Emas	0.5%
3.	Pemantauan Simpanan Emas	1.0%
4.	Audit Simpanan Emas	1.0%
5.	Urusan Transaksi Komoditi Dan Fi Wakalah	0.5%
6.	Perlindungan Takaful	0.5%
7.	Surcaj	0.5%
8.	Jumlah	6.0%

5. Obligasi Bayaran

5.1 Bayaran Struktural Fee 6.0% berdasarkan jumlah marhun tersebut dipersetujui di bayar secara lumpsum kepada CBP pada hari gadaian dibuat ditolak daripada pengeluaran jumlah pembiayaan dan tidak tertakluk kepada apa-apa ibra'/rebat/refund atau reversal.

5.2 Kadar Keuntungan 4.0% dibayar oleh pelanggan berdasarkan jumlah pembiayaan pada permulaan tempoh pembiayaan (12 bulan) dan lanjutan tempoh matang (6 bulan) dan ibra' / rebat akan diberikan jika berlaku penyelesaian awal atau pembatalan pra-matang.

5.3 Kadar Struktural Fi dan Kadar Keuntungan akan berubah dari semasa ke semasa tertakluk kelulusan dan pindaan pihak CBP. Sila rujuk SAG untuk mengetahui kadar sebenar.

6. Had Pembiayaan

6.1 Margin Pembiayaan berbanding nilai marhun

6.1.1 Setiap pembiayaan tertakluk kepada had margin tidak melebihi 80% daripada nilai marhun mengikut nilai semasa emas sewaktu Marhun diserahkan-simpan

6.2 Tempoh Pembiayaan

6.2.1 Tempoh pembiayaan adalah 18 bulan tertakluk kepada Tarikh Matang seperti yang dinyatakan di dalam SAG Ar-Rahnu Flexi

7. Penebusan

7.1 Penebusan Awal/Penyelesaian Awal

7.1.1 Pelanggan berhak membuat penyelesaian awal sebelum tarikh matang. Tiada penalti penyelesaian awal yang akan dikenakan.

7.2 Penebusan pada Tarikh Matang

7.2.1 Tempoh gadaian adalah 18 bulan tertakluk kepada Tarikh Terakhir seperti yang dinyatakan di dalam SAG Ar-Rahnu Flexi

7.2.2 Sekiranya Marhun tidak ditebus sebelum atau pada Tarikh Matang atau Tarikh Matang Terakhir (yang mana berkenaan), CBP berhak melelong Marhun tersebut.

7.2.3 Melainkan Pelanggan telah memohon sambung gadaian, Pelanggan bolehlah menebus selewat-lewatnya pada Tarikh Matang Terakhir. Kelewatan menebus membolehkan CBP menguatkuasakan haknya untuk melelong Marhun.

7.3 Penebusan Selepas Tarikh Matang Sebelum Lelongan

7.3.1 Sekiranya Pelanggan menebus Marhun selepas Tarikh Matang (atau Tarikh Matang Terakhir, yang mana berkenaan), setelah CBP membelanjakan kos persediaan untuk melelong/menjual Marhun tersebut, Penggadai hendaklah menanggung Kos sebenar berkaitan.

7.4 Penyelesaian Sebahagian

7.4.1 Pelanggan dibenarkan membuat penebusan/penyelesaian sebahagian daripada jumlah keberhutangan sebelum berakhirnya Tarikh Matang (atau Tarikh Matang Terakhir, yang mana berkenaan). Tiada kos atau caj tambahan dikenakan.

8. Formula Rebat/Ibra'

8.1 Ibra' akan diberikan daripada kadar Keuntungan 4.0 % jika;

- i. Sebarang penebusan awal/penyelesaian awal;
- ii. Perbezaan di antara Harga Jualan dan bayaran ansuran sebenar yang telah diselesaikan apabila berakhirnya sesuatu Tarikh Matang.
- iii. Penyelesaian kontrak pembiayaan asal disebabkan oleh penyusunan semula pembiayaan.
- iv. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes kegagalan pembayaran.
- v. Penyelesaian oleh pelanggan dalam kes penamatan atau pembatalan pembiayaan sebelum tarikh matang.

8.2 Bagi Struktural Fi tiada Ibra'/Rebat/Refund/Reversal diberikan semasa penyelesaian awal/tebusan.

8.3 Formula pengiraan Ibra' secara am nya adalah seperti berikut:

Jumlah Keuntungan- Keuntungan Terakru.
--

8.4 Formula jumlah penyelesaian adalah seperti berikut:

Jumlah penyelesaian = Harga Jualan - Keuntungan 12 bulan pertama - Ibra' + Ta'widh/Caj lewat bayar
--

8.5 Caj lewat bayar Ta'widh

8.5.1 CBP berhak mengenakan caj lewat bayar Ta'widh pada kadar 1% bagi setiap hari yang tertunggak sehingga tamat tempoh pembiayaan selama 18 bulan dan pada kadar IIMM selepas tamat tempoh pembiayaan daripada jumlah tertunggak, sebagai ganti rugi bagi kelewatan Pelanggan menebus Marhun. Ta'widh akan dikira sehingga tarikh Pelanggan menebus Marhun atau CBP menjual/melelong Marhun yang mana lebih awal.

8.5.2 Caj Ta'widh boleh dikecualikan kepada Pelanggan yang berada di dalam kategori *mu'sir* (pelanggan terjejas pendapatan) dengan syarat mereka mengisi orang deklarasasi penggadai terjejas pendapatan dan menyerahkannya kepada CBP. Pelanggan yang dikategorikan sebagai *mu'sir* ialah seperti berikut:

- I. Pendapatan termasuk di bawah had kifayah asnaf faqir dan miskin dengan mengemukakan surat pengesahan asnaf oleh pihak berkuasa zakat
- II. Mengalami keilatan kekal dengan mengemukakan laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang diiktiraf.
- III. Kematian pasangan yang menyumbang pendapatan seisi rumah dengan mengemukakan surat kematian.
- IV. Hilang pekerjaan dan pendapatan dengan mengemukakan surat pemberhentian pekerjaan atau apa-apa dokumen bukti hilang pendapatan yang munasabah.
- V. Jatuh sakit kritikal dengan mengemukakan laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang diiktiraf.
- VI. Kemalangan dengan mengemukakan laporan perubatan daripada pengamal perubatan yang diiktiraf atau laporan polis.
- VII. Ditimpa musibah dengan mengemukakan surat sokongan yang munasabah.

8.6 Tempoh Amaran Kemungkiran

8.6.1 Pelanggan diberikan Notis Peringatan Lelongan sebelum proses lelongan dilaksanakan. Pelanggan dinasihatkan mematuhi Tarikh Matang untuk menebus Marhun dan CBP berhak mengemukakan notis secara bertulis dan/atau melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada Pelanggan bagi mengingatkan Pelanggan tentang Tarikh Matang ("**Notis tersebut**"). CBP berhak meneruskan lelongan/jualan Marhun yang tidak ditebus sekalipun Pelanggan mendakwa tidak menerima Notis tersebut.

9. Lelongan Barang Kemas

9.1 Hak melelong

- 9.1.1 CBP berhak untuk meneruskan proses lelongan selepas semua terma dan syarat untuk prosiding lelongan dipenuhi apabila Pelanggan gagal dan/atau enggan menebus barang gadaian emas selepas Tarikh Tamat Gadaian Ar Rahn
- 9.1.2 Sebelum proses lelongan dijalankan, CBP akan memaklumkan mengenai proses dan tarikh lelongan melalui satu notis terakhir ("**Notis Tuntutan Terakhir**") yang akan dihantar kepada Pelanggan secara pos berdaftar. Notis Tuntutan Terakhir tersebut dikira lengkap penyerahannya selepas tiga (3) hari Notis Tuntutan Terakhir tersebut dipos kepada alamat terakhir Pelanggan.
- 9.1.3 Merujuk kepada terma wakalah, sekiranya Pelanggan gagal dan/atau enggan menebus barang gadaian emas dalam tempoh yang ditetapkan dalam Notis Tuntutan Terakhir tersebut atau apa-apa lanjutan yang dibenarkan oleh CBP secara bertulis, CBP berhak meneruskan proses lelongan Marhun sekalipun Pelanggan mendakwa tidak menerima Notis Tuntutan Terakhir tersebut.
- 9.1.4 Sekiranya Pelanggan hadir untuk menebus barang gadaian dalam tempoh sebelum ada pembida, maka barang gadaian tersebut boleh dikeluarkan daripada senarai barang lelongan.
- 9.1.5 Pelanggan tidak dibenarkan untuk menyertai proses bidaan sebagai pembida. Namun demikian, Pelanggan boleh melantik proksi (selain kakitangan CBP) untuk mewakili Pelanggan dalam proses bidaan. Untuk mengelakkan keraguan, CBP tidak bertanggungjawab serta tidak akan melantik proksi bagi pihak Pelanggan dan dalam apa-apa keadaan sekalipun, keputusan pembida berjaya adalah tertakluk kepada proses dalaman dan budi bicara CBP.
- 9.1.6 Lelongan hanya diharuskan pada suatu harga emas diskaun yang tidak kurang daripada paras harga pasaran emas terpakai.

9.2 Kos Lelongan

CBP tidak mengenakan fi/caj dan kos-kos yang berkaitan lelongan Emas Marhun kepada Pelanggan kecuali jika terdapat apa-apa kos sebenar.

9.3 Lebihan Selepas Jualan/Lelongan

- 9.3.1 Pembayaran bagi lebihan ('surplus') hasil jualan/lelongan Marhun (jika ada) akan dikreditkan ke dalam Akaun Peribadi (Akaun Simpanan Pelanggan) dan boleh dituntut di mana-mana cawangan CBP di seluruh Malaysia.

9.4 Baki Tunggakan Selepas Lelongan

9.4.1 Sekiranya hasil jualan/lelongan Marhun kurang daripada jumlah keberhutangan Pelanggan, CBP berhak menuntut baki yang tertunggak melalui proses tuntutan dan perundangan yang sewajarnya.

9.4.2 Sekiranya terdapat baki keberhutangan selepas lelongan, CBP berhak menolak selesai hutang daripada apa-apa deposit Pelanggan yang ada dengan CBP dalam tempoh 1 tahun dari tarikh lelongan.

10. Tanggungjawab dan Jaminan Pelanggan.

10.1 Pelanggan hendaklah menyimpan salinan ASAL SAG Ar-Rahnu dengan selamat dan ia hendaklah dikemukakan kepada CBP semasa menebus Marhun atau memohon sambungan tempoh pembiayaan.

10.2 Membuat bayaran pembiayaan Tawarruq sama ada secara ansuran atau sekaligus mengikut kemampuan; sebelum atau pada Tarikh Matang (termasuk sebarang Sambung Gadaian).

10.3 Pelanggan hendaklah mengemukakan surat akuan bersumpah yang diperakui di hadapan pesuruhjaya sumpah atau atas perintah Mahkamah; sekiranya berlaku kehilangan SAG Ar-Rahnu.

10.4 Pelanggan boleh melantik wakil untuk menebus Marhun bagi pihaknya dengan menyediakan surat pelantikan wakil; dan wakil hendaklah terdiri daripada penama (waris) yang telah diisytiharkan dalam SAG Ar-Rahnu.

10.5 Pelanggan memberi kuasa penuh kepada CBP sebagai wakil/ejen untuk melelong Marhun mengikut prosedur yang ditetapkan oleh CBP.

10.6 Sekiranya Pelanggan gagal menebus Marhun selepas menerima tawaran daripada CBP bagi tawaran penebusan akibat daripada terdapat unjuran penurunan harga emas yang luar biasa (pada hemat CBP).

10.7 Pelanggan perlu memaklumkan kepada CBP mengenai sebarang kerosakan/kecacatan pada Marhun (jika ada). CBP tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan/kecacatan Marhun selepas menerima Marhun untuk di serah-simpan.

10.8 Pelanggan tidak akan melaksanakan sebarang tindakan, perbuatan dan/atau gagal untuk bertindak (*ommission*) yang akan menyebabkan Pelanggan ingkar kepada CBP terhadap sebarang waranti, representasi dan tanggungjawab lain di bawah SAG Ar-Rahnu dan Terma dan Syarat ini.

11. Representasi dan Waranti oleh Pelanggan

- 11.1 Pelanggan mempunyai hak undang-undang untuk memasuki kontrak SAG Ar Rahnū dengan CBP;
- 11.2 Pelanggan mempunyai kuasa untuk menjalankan dan menanggung tanggungjawab serta obligasi di bawah SAG Ar-Rahnū serta Terma dan Syarat ini;
- 11.3 Pelanggan bukanlah seorang yang bankrap; dan
- 11.4 Pelanggan tidak melanggar dan tidak akan melanggar mana-mana kelayakan minimum Pelanggan untuk memasuki SAG Ar-Rahnū serta terma-terma yang dinyatakan dalam lembaran pendedahan produk Ar-Rahnū Flexi ("**Lembaran Pendedahan Produk**").

12. Tanggungjawab CBP

- 12.1 CBP bertanggungjawab sepenuhnya di atas kerahsiaan maklumat urusan niaga dan apa-apa maklumat mengenai CBP dan Pelanggan dan keselamatan Marhun termasuk mengambil perlindungan takaful yang secukupnya semasa Marhun itu berada dalam simpanannya.
- 12.2 Sekiranya Marhun hilang akibat kecurian atau kebakaran, yang menyebabkan Pelanggan menanggung kerugian di atas kecuaiannya atau kesalahan CBP, CBP akan membayar pampasan (mengikut penilaian pihak takaful) ke atas baki nilai Marhun sewaktu ia ditaksirkan untuk diserahkan setelah ditolak pembiayaan, kadar keuntungan dan lain-lain caj yang sepatutnya (dan tidak semestinya mengikut nilai emas semasa apabila pampasan itu dituntut).

13. Liabiliti dan Indemniti

- 13.1 Walauapapun dinyatakan sebaliknya, Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi CBP (kecuali kos lelongan yang ditanggung oleh CBP) atas segala kerugian, penalti, duti setem, perbelanjaan lain-lain, termasuk, namun tidak terhad kepada kos guaman yang ditanggung oleh CBP atas kemungkiran Pelanggan terhadap SAG Ar-Rahnū, Terma dan Syarat ini termasuk, namun tidak terhad kepada mana-mana waranti, representasi dan tanggungjawab lain terhadap CBP.

Walaupun dinyatakan sebaliknya, CBP juga berhak untuk mengambil tindakan undang-undang dan/atau apa-apa tindakan yang difikirkan wajar sekiranya terdapat kemungkiran Pelanggan terhadap CBP di bawah SAG Ar-Rahnu, Terma dan Syarat ini termasuk, namun tidak terhad kepada mana-mana waranti, representasi dan tanggungjawab lain terhadap CBP

12. Lantikan CBP sebagai Ejen Pelanggan (Wakil)

12.1 Berdasarkan permohonan pembiayaan ini, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk melantik CBP sebagai wakil dan CBP menerima lantikan tersebut berdasarkan konsep Wakalah untuk melaksanakan tindakan bagi pihak Pelanggan untuk melengkapkan prosedur pelaksanaan Tawarruq dan tidak terhad kepada tindakan berikut;

- 12.1.1 Menjual komoditi kepada mana-mana pihak pada harga kos dan secara tunai;
- 12.1.2 Mengambil milikan komoditi secara fizikal atau konstruktif;
- 12.1.3 Menerima bayaran harga kos bagi pihak Pelanggan (setelah komoditi dijual kepada broker) untuk pengeluaran pembiayaan
- 12.1.4 Menyerahkan milikan dan hakmilik komoditi tersebut kepada pihak ketiga iaitu pembeli komoditi;
- 12.1.5 Menandatangani dan menyempurnakan semua dokumen dan melakukan semua tindakan dan memantau serta melaksanakan semua kewajipan yang perlu dilakukan berkaitan dengan SAG Ar-Rahnu serta Terma dan Syarat ini atau yang dikenakan di bawah mana-mana perjanjian penjualan komoditi tersebut kepada pihak ketiga;
- 12.1.6 Melaksanakan semua tugas pentadbiran berhubung pegangan dan penjualan komoditi dan peruntukan kewangan terhadapnya; dan
- 12.1.7 Melaksanakan lelongan marhun / barang gadaian atas keberhutangan Pelanggan daripada transaksi Tawarruq.

12.2 Pelanggan bersetuju bahawa;

- 12.2.1 Perlantikan CBP hendaklah berkuatkuasa dari masa kelulusan permohonan kemudahan pembiayaan dibuat sehingga Tarikh Matang SAG Ar-Rahnu dan CBP bersetuju untuk bertindak sebagai wakil kepada Pelanggan dengan mengenakan bayaran fi wakalah seperti yang termaktub dalam Lembaran Pendedahan Produk (sekiranya ada);
- 12.2.2 Berhubung dengan kuasa, kebenaran dan kewajipan di bawah Terma dan Syarat ini, CBP hendaklah bertindak sebagai wakil tidak eksklusif bagi pihak Pelanggan di atas dasar perjanjian;
- 12.2.3 Lantikan CBP tidak akan mewujudkan atau boleh dianggap mewujudkan perkongsian atau usaha sama antara pihak- pihak , juga tidak mewujudkan

hubungan sebagai prinsipal atau wakil dalam mana-mana hubungan antara pihak lain;

12.2.4 CBP hendaklah pada setiap masa bertindak sebagai Wakil Pelanggan dengan sentiasa menjaga kepentingan Pelanggan. Identiti sebagai ejen tidak perlu didedahkan serta Bank juga tidak perlu mendedahkan bahawa CBP adalah bertindak sebagai Wakil Pelanggan kepada mana-mana pihak;

12.2.5 Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kontrak jual beli yang dibuat oleh CBP sebagai Wakil Pelanggan yang mengikut terma dan syarat dalam Terma dan Syarat ini. Pelanggan boleh memohon daripada CBP maklumat berkenaan spesifikasi Komoditi yang terlibat dalam transaksi Tawarruq termasuk lokasi, jenis kualiti dan kuantiti Komoditi tersebut; dan

12.2.6 Adalah tidak menjadi kewajipan ke atas CBP untuk mendedahkan dan/atau mengemukakan apa-apa dokumen kepada Pelanggan berhubung dengan tugasnya di bawah Terma dan Syarat ini.

13 Hak untuk meminda Terma dan Syarat

13.1 Tertakluk kepada prinsip Syariah, Pelanggan dengan ini mengesahkan bersetuju dan berjanji bahawa CBP adalah bebas dan berhak pada bila-bila masa jua tanpa menyentuh tanggungjawab Pelanggan di dalam Terma dan Syarat Gadaian Ar Rahnu untuk;

13.1.1 Mengubah, meminda, menambah atau membentuk semula Terma dan Syarat ini dalam bentuk dan masa yang CBP fikirkan sesuai selepas memberi notis 21 hari kepada Pelanggan yang mana notis tersebut akan dipaparkan pada laman sesawang CBP dimana pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan perubahan terma-terma dan syarat-syarat gadaian Ar-Rahnu.

14 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) (PDPA)

Dalam urusan Pelanggan dengan CBP, CBP boleh meminta Pelanggan untuk mengemukakan data peribadi mereka dan jika berkenaan, pekerjaan, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil, pihak yang diberi kuasa dan butiran pemegang saham seperti yang didedahkan oleh Pelanggan sebelum atau semasa pelaksanaan dokumen. Kemudahan bagi pelaksanaan kontrak, pemasaran, aktiviti perniagaan yang sah, pentadbiran dan tujuan kecekapan ekonomi. Pelanggan dengan ini menjamin PDPA telah dipatuhi dan kebenaran telah diperoleh dari Pelanggan atau di mana berkenaan, pekerja, ejen, pengarah, pihak yang boleh dihubungi, pemegang saham, wakil dan pihak yang diberi kuasa berhubung dengan pendedahan dan pemprosesan data peribadi mereka untuk tujuan yang tersebut di atas.

Pelanggan bersetuju dan membenarkan CBP untuk memproses termasuk memindahkan data peribadi Pelanggan kepada kepada pihak luar lain di Malaysia dan di negara-negara lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak / badan yang disenaraikan di atas untuk penyelenggaraan , penyimpanan dan pengkalan data peribadi Pelanggan , di dalam atau di luar Malaysia berhubung dengan permohonan Pelanggan untuk produk dan perkhidmatan dan seterusnya untuk terus melaksanakan perjanjian kontrak yang dibuat antara Pelanggan dan CBP.

Pelanggan bersetuju bahawa pihak CBP , kakitangannya, wakil dan/ atau ejennya boleh menghubungi Pelanggan dari masa ke semasa melalui lawatan secara peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui apa- apa cara komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang apa-apa produk dan promosi perkhidmatan melainkan Pelanggan membantah secara bertulis.

Pelanggan mengesahkan bahawa semua maklumat dan data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini semuanya benar, terkini dan tepat dan jika terdapat apa -apa perubahan dalam apa-apa maklumat atau data peribadi yang dinyatakan dalam dokumen ini ,Pemohon hendaklah memberitahu CBP dengan segera.

Pelanggan bersetuju bahawa Pemohon telah membaca , memahami Notis Privasi dengan terma -terma PDPA seperti yang dipaparkan di laman web di www.cbp.com.my

15. Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001

Pelanggan tidak dibenarkan untuk menggunakan Kemudahan Pembiayaan untuk aktiviti -aktiviti haram sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daipada Aktiviti Haram 2001.

16. Pematuhan Syariah

Terma dan syarat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap prinsip- prinsip Syariah. Pelanggan bersetuju bahawa semua aturan Syariah yang terpakai dalam produk ini dan transaksi yang berkaitan hendaklah tertakluk kepada resolusi Syariah oleh Jawatankuasa Syariah CBP sahaja.

17. Undang – Undang

SAG Ar-Rahnu dan Terma dan Syarat ini hendaklah setiap masa mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

18. Penafian

Kegagalan CBP untuk menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana hak, remedi atau peruntukan di bawah SAG Ar-Rahnu dan Terma dan Syarat ini dan/atau mana-mana undang-undang pada bila-bila masa, tidak akan terjumlah kepada suatu penafian hak, melainkan ianya telah dibuat secara bertulis terlebih dahulu. Sebarang penafian hak hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dirujuk dan dipersetujui oleh CBP yang diberikuasa dengan sewajarnya.

19. Saluran Pertanyaan Lanjut atau Aduan

Sebarang pertanyaan lanjut atau aduan, boleh menghubungi talian **1-300-88-7650** pada setiap Isnin hingga Jumaat dari 9:00 pagi hingga 5:00 petang kecuali pada hari Sabtu, Ahad dan hari cuti umum atau emailkan aduan anda kepada kami **info@cbp.com.my**